

R B130 DEB
MAHATHIR - MAHKAMAH

KUALA LUMPUR, 24 JUN (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMED BERKATA KERAJAAN YAKIN PENGGUNAAN BAHASA MALAYSIA DI MAHKAMAH TIDAK AKAN MENJEJASKAN PROSES KEADILAN DAN PENTADBIRANNYA.

BELIAU BERKATA PELAKSANAAN MENGGUNAKAN BAHASA MALAYSIA DALAM BIDANG PERUNDANGAN DAN KEHAKIMAN MENGHADAPI PELBAGAI CABARAN WALAUPUN BAHASA KEBANGSAAN ITU TIDAK LAGI DIPERSOALKAN KEDUDUKANNYA PADA PERINGKAT DASAR.

DALAM KATA-KATA ALUAN PADA BUKU CENDERAMATA SEMPENA SEMINAR KEBANGSAAN UNDANG-UNDANG MENGENAI +ISU BAHASA DAN COMMON LAW+ DI SINI, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA KERAJAAN SENTIASA MENGGALAKKAN PIHAK-PIHAK YANG BERUSAHA MEMAJUKAN PENGGUNAAN BAHASA MALAYSIA UNTUK MENJADIKAN BAHASA INI BAHASA YANG DAPAT DIGUNAKAN DALAM SEMUA BIDANG.

+DI MANA PRAKTIKAL, KITA PERLU LAH MENGGUNAKAN BAHASA IBUNDA SENDIRI UNTUK MENTADBIRKAN NEGARA. BEGITU JUGA KITA PERLUKAN UNDANG-UNDANG YANG BERLANDASKAN BUDAYA DAN TRADISI KITA SENDIRI, DAN TIDAK SEHARUSNYA TERIKAT DENGAN UNDANG-UNDANG WARISAN LUAR,+ KATA BELIAU.

BELIAU BERKATA AMATLAH WAJAR LANGKAH YANG BERKESAN DIAMBIL BAGI MEMBERIKAN RUANG KEPADA PERKEMBANGAN BIDANG UNDANG-UNDANG YANG LEBIH RELEVAN KEPADA RAKYAT DAN MASYARAKAT UNTUK MENERUSKAN PENGGUNAAN BAHASA MALAYSIA. -- LAGI.

1251MST 24 06 89

R B131 DEB
MAHATHIR - MAHKAMAH 2 KUALA LUMPUR

KETUA HAKIM NEGARA, TUN ABDUL HAMID OMAR DALAM KATA-KATA ALUANNYA PULA BERKATA PENGGUNAAN BAHASA MALAYSIA SECARA MENYELURUH DALAM BIDANG PERUNDANGAN DAN KEHAKIMAN AKAN MEMANTAPKAN LAGI SISTEM PERJALANAN KEADILAN DI NEGARA INI.

BELIAU MENGAKUI BIDANG INI MENGGUNAKAN BAHASA MALAYSIA AGAK LAMBAT KALAU DIBANDINGKAN DENGAN BIDANG LAIN DALAM PERBICARAAN ATAU URUSAN RASMI KERANA MASALAH STRUKTUR PERBAHASAN UNDANG-UNDANG YANG MENEKANKAN UNGKAPAN-UNGKAPAN YANG TEPAT DAN JELAS.

DALAM HUBUNGAN INI, BAHAGIAN PENYELIDIKAN DAN SEKRETARIAT BAHASA MALAYSIA YANG SEBELUM INI DIKENALI SEBAGAI BIRO TERJEMAHAN MAHKAMAH AGUNG TELAH DITUBUHKAN UNTUK MEMASTIKAN PENGGUNAAN BAHASA MALAYSIA SEPENUHNYA DI MAHKAMAH DAPAT DICAPAI.

SEMINAR SEHARI YANG DIHADIRI OLEH 100 PESERTA YANG TERDIRI DARIPADA PARA PENSYARAH, PENUNTUT, ANGGOTA-ANGGOTA MAJLIS PEGUAM DAN PERSATUAN PEGUAM MUSLIM MALAYSIA ITU DIANJURKAN OLEH INSTITUT KAJIAN DASAR, DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA, DAN UTUSAN MELAYU (M) BERHAD. -- BERNAMA.

1254MST 24 06 89